



USM UNIVERSITI
SAINS
MALAYSIA



Tajuk karangan: Prinsip-prinsip Pergerakan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah

	
Logo Palang Merah	Logo Persatuan Bulan Sabit Malaysia

Nama:


i) Wong Ching Mee (147563) (Vad 7)

ii) Phoebe Ng Li Jieh (149116) (Vad 6)



Tajuk karangan: Prinsip-prinsip pergerakan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah

Pergerakan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah adalah sebuah gerakan kemanusiaan yang menyelamatkan nyawa dan kesihatan manusia. Walaupun ia merupakan satu organisasi antarabangsa, pertubuhan ini merupakan pertubuhan persendirian. Tidak ada kerajaan yang akan mengawal pergerakan Palang Merah atau Bulan Sabit Merah. Peranan bagi pergerakan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah adalah untuk memberi bantuan kepada mangsa yang bercedera terutamanya semasa berlakunya bencana alam, kemalangan dan sebagainya, memberikan rawatan kepada mangsa yang memerlukan, memberikan barang keperluan asas, melatih ahli persatuan tentang ilmu pertolongan cemas serta juga bertindak memberikan bimbingan kaunseling kepada mangsa yang memerlukan. Terdapat tujuh prinsip pergerakan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah.



Gambar setiap prinsip Pergerakan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah Malaysia

Prinsip pertama pergerakan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah ialah dari aspek kemanusiaan. Pergerakan tersebut dilahirkan dengan hasrat untuk memberi pertolongan kepada mangsa di medan pertempuran atau di tempat kejadian bencana alam tanpa mendiskriminasikan dan pilih kasih walaupun perbezaan bangsa, agama, kaum, status mangsa dan sebagainya. Bantuan boleh diberikan dari segi pemberian barang keperluan seperti makanan atau minuman, rawatan serta bimbingan kaunseling kepada mangsa, pencarian tempat perlindungan kepada mangsa dan sebagainya. Hal ini demikian kerana pergerakan ini bertujuan untuk meringankan penderitaan, melindungi nyawa dan kesihatan

mangsa serta keperluan mereka. Selain memberikan pertolongan kepada mereka, pergerakan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah ini juga berupaya memupuk kesefahaman, kesahabatan, kerjasama dan kedamaian yang kekal sesama mereka.

Prinsip kedua pergerakan tersebut ialah dari aspek kesaksamaan. Mereka berperanan menyelamatkan mangsa yang cedera secara saksama tanpa memberikan keutamaan kepada mangsa yang berstatus tinggi. Hal ini demikian kerana tujuan asas pergerakan tersebut adalah untuk meringankan kesengsaraan individu dan mengutamakan bantuan kecemasan kepada golongan yang memerlukan. Keutamaan bantuan akan diberikan kepada kes kecemasan yang memerlukan tindakan menyelamatkan segera dengan mengikut tahap keseriusan. Hal ini demikian kerana setiap detik mangsa amatlah bernilai semasa merawat mereka.

Prinsip ketiga pergerakan ialah dari aspek berkecuali. Tujuan pergerakan tersebut adalah untuk mempertahankan kepercayaan yang terletak padanya. Mereka tidak boleh memihak kepada pihak yang bermusuhan serta tidak boleh melibatkan diri dalam isu pertikaian atau pertentangan yang bercorak politik, perkauman, agama atau ideologi. Perkara seperti ini merupakan larangan dalam pergerakan tersebut. Oleh itu, disebabkan mereka merupakan pertubuhan bebas yang tidak berpegang kepada agenda politik maka mereka mempunyai kelebihan sendiri iaitu bebas daripada sebarang komplikasi.

Prinsip keempat pergerakan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah ialah dari aspek kebebasan. Pergerakan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah merupakan badan pertolongan, perlindungan kemanusiaan dan perhubungan yang bebas pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Walaupun persatuan ini merupakan badan bebas namun ia tetap akan menolong kerajaan negaranya dalam memberikan perkhidmatan kemanusiaan berasaskan kepada undang negara masing-masing yang ditakluk.

Prinsip seterusnya ialah khidmat sukarela. Pasukan sukarela boleh terdiri daripada individu atau kumpulan yang memberi manfaat kepada individu, kumpulan atau organisasi lain yang

memerlukan bantuan. Palang Merah atau Persatuan Bulan Sabit Merah merupakan badan sukarela yang bersedia membantu sesama manusia dengan kerelaan hati tanpa perasaan ketidakpuasan. Misalnya, persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia Cawangan Jasin telah menyampaikan bantuan kepada tiga puluh keluarga di sekitar Merlimau bagi mengekang penularan wabak Covid-19. Mereka memberikan bantuan keperluan asas seperti sumbangan peralatan perlindungan diri (PPE) kepada petugas barisan hadapan, kewangan, rawatan kesihatan, tempat peletakan mangsa dan sebagainya.



Gambar di atas menunjukkan pemberian sumbangan barang keperluan iaitu PPE kepada petugas barisan hadapan.

Selain itu, prinsip ketunggalan dalam Pesatuan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah. Prinsip ketunggalan merujuk kepada hanya ada satu persatuan ini dalam sesebuah negara dan terbuka kepada semua pihak. Aktiviti perancangan dan pelaksanaan meliputi seluruh negara. Buktinya, pasukan Persatuan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah merupakan satu-satunya persatuan telah disahkan oleh gerakan sukarela antarabangsa yang terbesar di setiap negara.

Akhirnya, prinsip kesejagatan. Kedua-dua persatuan tersebut mempunyai taraf dan tanggungjawab yang sama serta saling membantu antara satu sama negara lain. Persekutuan Antarabangsa Palang Merah dan Bulan Sabit Merah diasaskan pada tahun 1919 dan bertujuan untuk merapatkan hubungan antara persatuan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah dalam menjalankan misi kemanusiaan dalam kes-kes darurat. Hubungan baik antara negara lain dapat memupuk semangat kerjasama dalam kalangan ahli persatuan ini tanpa mengira bangsa, kaum, warna kulit, status quo, tahap soioekonomi dan sebagainya.

Kesimpulannya, persatuan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah memang memberikan sumbangan besar kepada masyarakat dan negara. Misalnya, ahli Bulan Sabit Merah Malaysia menghulurkan bantuan kepada mangsa yang menghadapi kejadian banjir di negeri Kelantan pada tahun 2017 dengan menghantar barang keperluan asas seperti makanan iaitu beras, minuman dan sebagainya kepada mereka. Mereka juga sanggup mengorbankan tenaga dan masa mereka secara rela hati untuk berkhidmat kepada masyarakat dan negara serta menjaga keamanan dan kesejahteraan dunia sejagat. Oleh itu, sebagai seorang ahli Persatuan Bulan Sabit Merah, kami berasa syukur dan bangga kerana dapat membantu dan menyelamatkan nyawa orang lain berdasarkan pengetahuan dan pengalaman yang diperoleh.



Gambar di atas menunjukkan ahli Bulan Sabit Merah Malaysia menghulurkan bantuan kepada mangsa banjir di negeri Kelantan pada tahun 2017.



I  
2019 World Red Cross
and Red Crescent Day

Gambar di atas menunjukkan perjumpaan Persatuan Bulan Sabit Merah USM bagi sidang akademik 2019/2020.

